

Modul Pintas
Bahasa Melayu
Kertas 1
1103/1
Ogos
2025



**MODUL PINTAS 2025
TINGKATAN 5**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1
2 JAM**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi dan jawi.

Join telegram @exercise_students

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]



BAHAGIAN A

[30 Markah]

Soalan ini mesti dijawab

Join telegram @exercise_students*Maklumat di bawah berkaitan dengan kantin sekolah**Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri kantin sekolah yang baik**Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

KUALA LUMPUR - Sesi persekolahan 2025 yang memasuki minggu kedua, kini perhatian turut tertumpu kepada aspek pemakanan di sekolah yang juga memainkan peranan penting dalam membantu memastikan kesihatan pelajar dan prestasi akademik. Setiausaha Persatuan Pengusaha Kantin Sekolah Malaysia (PPKSM), Jazmi Hassan berkata, pengusaha kantin perlu memastikan hidangan disediakan mematuhi tahap nutrisi ditetapkan serta tidak mengandungi bahan berproses atau gula berlebihan.

Sumber : Internet



MENU MAKANAN DAN MINUMAN

MI SUP	1.00
BIHUN SUP	1.00
MI REBUS	2.00
NASI GORENG	1.00
KUETIAU	1.00
NASI PUTIH	0.70
NASI LEMAK	2.00
TELUR REBUS	1.00
BIHUN SUP	2.00
LAKSA	2.00
TOM YAM	2.00
MILO AIS	1.00
TEH AIS	1.00
JUS BUAH	2.00

Harga yang berpatutan

**BAHAGIAN B
(70 MARKAH)**

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Aktiviti pembakaran secara terbuka dan pembalakan haram serta pencemaran alam yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab telah menyebabkan negara kita berdepan dengan kepupusan hidupan liar. Lebih memeranjatkan lagi apabila statistik kematian hidupan liar dari tahun ke tahun menunjukkan peningkatan sebanyak 7451 (2017) berbanding dengan 6767 (2016) dan 6258 (2015) di negeri Selangor, Johor dan Perak yang mencatatkan kematian tertinggi hidupan liar iaitu 1745, 1616 dan 792.

Sumber : Jabatan Perlindungan Hidupan Liar
dan Taman Negara (PERHILITAN)

Berdasarkan petikan, huraikan punca-punca kepupusan hidupan liar.

2

Setiap warganegara memainkan peranan utama dalam menyumbang kepada keselamatan dan kedaulatan negara. Dalam konteks ini, masyarakat haruslah mencintai keamanan, mengamalkan sikap toleransi serta menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa untuk mengatasi ancaman-ancaman yang mungkin mengancam kesejahteraan negara.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan peranan masyarakat untuk menjamin keselamatan negara

[Lihat halaman sebelah]

3

PUTRAJAYA: Sejumlah 3.59 peratus dalam kalangan murid sekolah direkodkan sebagai ponteng sekolah yang dikesan berdasarkan data dalam Sistem Sahsiah Diri Murid bagi sesi akademik 2023/2024 yang lalu. Berdasarkan maklum balas Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada Utusan Malaysia, murid dikategorikan sebagai ponteng sekolah sekiranya mereka tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang munasabah. Sikap murid yang tidak berminat belajar menjadi salah satu punca mereka ponteng sekolah.

Sumber : Utusan Malaysia

Huraikan faktor yang terdapat dalam petikan dan faktor-faktor lain yang mencetuskan masalah tersebut.

4

Mengikut kajian statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2011 menunjukkan angka pesakit yang menghadapi masalah kesihatan telah meningkat sebanyak 200 000 orang pesakit melebihi bilangan pesakit pada tahun sebelumnya. Angka yang membimbangkan ini perlu diambil tindakan oleh semua pihak.

Sumber : www.ipendidikan.my

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan cara-cara menjaga kesihatan diri.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah]